



## NEGERI TERENGGANU

### TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 [AKTA 171]

Tr. P.U. 15/90  
UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS DAERAH  
KEMAMAN) 1989

Tarikh penyiaran :

30 Ogos 1990

#### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

##### [Mukadimah.](#)

- Undang-undang Kecil 1. [Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.](#)
- Undang-undang Kecil 2. [Tafsiran.](#)
- Undang-undang Kecil 3. [Lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 4. [Permohonan untuk mendapatkan lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 5. [Bentuk lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 6. [Sahnya lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 7. [Pindahmilik lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 8. [Kebersihan.](#)
- Undang-undang Kecil 9. [Mengadakan tong sampah.](#)
- Undang-undang Kecil 10. [Sampah pepejal basah.](#)
- Undang-undang Kecil 11. [Pembuangan sampah sarap.](#)
- Undang-undang Kecil 12. [Menumpukan bahan mengganggu.](#)
- Undang-undang Kecil 13. [Bekalan air.](#)
- Undang-undang Kecil 14. [Jamban pam dan tempat buang air kecil.](#)
- Undang-undang Kecil 15. [Pencahayaian.](#)
- Undang-undang Kecil 16. [Ganti udara.](#)
- Undang-undang Kecil 17. [Bersesak-sesak tidak dibenarkan.](#)
- Undang-undang Kecil 18. [Peruntukan bilik mes. dsb.](#)
- Undang-undang Kecil 19. [Pencegahan kebakaran.](#)
- Undang-undang Kecil 20. [Bahan-bahan mudah terbakar.](#)
- Undang-undang Kecil 21. [Stor.](#)
- Undang-undang Kecil 22. [Pembakaran.](#)
- Undang-undang Kecil 23. [Penyebaran abuk dsb.](#)
- Undang-undang Kecil 24. [Bising.](#)

Undang-undang Kecil 25. [Waktu menjalankan perniagaan dsb.](#)  
Undang-undang Kecil 26. [Kuasa untuk memeriksa.](#)  
Undang-undang Kecil 27. [Penalti.](#)  
Undang-undang Kecil 28. [Pemansuhan.](#)

[JADUAL](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

## **Mukadimah.**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102(s) dan seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Kemaman membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

### **Undang-undang Kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.**

Undang-undang kecil ini hendaklah dinamakan **Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kemaman) 1989**, dan hendaklah dipakai untuk kawasan Majlis Daerah Kemaman dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.**

Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

"perniagaan" termasuklah apa-apa bentuk, tred, perdagangan, pekerjaan tangan, kepandaian, profesion atau lain-lain aktiviti yang dijalankan bagi maksud keuntungan;

"industri" ertinya apa-apa perniagaan, tred, pengusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan perkhidmatan, pengajian, pertukangan tangan atau pekerjaan industri atau vokasion pekerjaan dan termasuk perusahaan di rumah dan kilang-kilang;

"lesen" ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini mengenai apa-apa bentuk tred, perniagaan dan perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual Lesen;

"pemegang lesen" ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil ini;

"premis" termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen ismen dan hereditamen dari apa-apa pemegang, sama ada terbuka atau terkepung sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak oleh pihak berkuasa berkanun;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kemaman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

"tred" ertinya apa-apa jenis aktiviti perdagangan yang dinyatakan dalam jadual.

### **Undang-undang Kecil 3. Lesen.**

(1) Tiada seseorang pun boleh menjalankan apa-apa bentuk tred, perniagaan dan perindustrian di mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis Daerah Kemaman, melainkan ia dilesenkan untuk berbuat demikian oleh Yang Dipertua.

(2) Fee yang dikenakan bagi sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan di bawah dalam Jadual.

### **Undang-undang Kecil 4. Permohonan untuk mendapatkan lesen.**

(1) Tiap-tiap permohonan bagi sesuatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana pemohon bagi pengeluaran atau pembaharuan sesuatu lesen supaya hadir sendiri atau, bagi sesuatu perbadanan atau firma, seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir semasa lesen tersebut dikeluarkan atau dibaharui.

### **Undang-undang Kecil 5. Bentuk lesen.**

Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan dibawah undang-undang kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.

### **Undang-undang Kecil 6. Sahnya lesen.**

Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatal terlebih awal oleh Yang Dipertua akan berkuatkuasa selama setahun mulai dari 1hb. Januari dan tamat pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

### **Undang-undang Kecil 7. Pindahmilik lesen.**

(1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen Yang Dipertua boleh, di atas permohonan pemegangnya, membenarkan pemindahan milik tersebut kepada seorang lain.

(2) Fee yang kena dibayar bagi pindahmilik hendaklah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen dalam Jadual lesen undang-undang kecil ini.

### **Undang-undang Kecil 8. Kebersihan.**

Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara tempat atau premis yang dilesenkan supaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih.

### **Undang-undang Kecil 9. Mengadakan tong sampah.**

Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk meletakkan sampah.

### **Undang-undang Kecil 10. Sampah pepejal basah.**

Semua sampah sarap hendaklah dibubuh dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong atau bekas sampah.

### **Undang-undang Kecil 11. Pembuangan sampah sarap.**

Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.

### **Undang-undang Kecil 12. Menumpukan bahan mengganggu.**

Tiada seorangpun pemegang lesen boleh menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggokkan, ditumpahkan atau diserakkan ke dalam longkang atau lain-lain tempat awam atau persendirian.

### **Undang-undang Kecil 13. Bekalan air.**

Di tempat atau premis yang dilesenkan hendaklah diadakan bekalan air dari paip yang disambungkan ke sesalur utama air dari bekalan air awam.

#### **Undang-undang Kecil 14. Jamban pam dan tempat buang air kecil.**

Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyenggara dalam keadaan baik dan bilangan yang mencukupi bilik mandi, jamban pam, tempat buang air kecil dan besen mencuci tangan hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

#### **Undang-undang Kecil 15. Pencahayaan.**

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan pencahayaan yang cukup diadakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

#### **Undang-undang Kecil 16. Ganti udara.**

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya pengudaraan yang cukup di tempat dan premis yang dilesenkan itu hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara pengudaraan itu dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

#### **Undang-undang Kecil 17. Bersesak-sesak tidak dibenarkan.**

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan tidak ada kesesakan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan.

#### **Undang-undang Kecil 18. Peruntukan bilik mes, dsb.**

Yang Dipertua boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerja kemudahan-kemudahan yang sesuai dan mencukupi seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaiki yang sama jika Yang Dipertua berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan yang telah sedia ada itu tidak mencukupi.

## **Undang-undang Kecil 19. Pencegahan kebakaran.**

Pemegang lesen hendaklah memastikan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan, perkara-perkara berikut:-

- (a) bahawa kelengkapan melawan kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Yang Dipertua;
- (b) bahawa tangga dan jalan keluar yang cukup disediakan dan diselenggarakan; dan
- (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibuat dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan mudah.

## **Undang-undang Kecil 20. Bahan-bahan mudah terbakar.**

(1) Simen atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang rekabentuknya telah diluluskan.

(2) Di mana pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 22.8<sup>o</sup>c disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45.5 liter stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Yang Dipertua.

## **Undang-undang Kecil 21. Stor.**

Semua bahan-bahan hendaklah distor mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah merebaknya bahan-bahan berbahaya mengganggu darinya.

## **Undang-undang Kecil 22. Pembakaran.**

Pemegang lesen hendaklah jangan membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

## **Undang-undang Kecil 23. Penyebaran abuk dsb.**

Pemegang lesen hendaklah jangan menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran abuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau, hiduan, getaran, asap

atau jelaga dari tempat atau premis yang dilesenkan yang mana jumlahnya pada pendapat Yang Dipertua adalah suatu kacau ganggu atau yang pencemaran udara.

### **Undang-undang Kecil 24. Bising.**

Pemegang lesen semasa menjalankan trednya hendaklah jangan membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacau ganggu.

### **Undang-undang Kecil 25. Waktu menjalankan perniagaan dsb.**

Yang Dipertua boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred perniagaan atau perindustrian tidak boleh dijalankan di suatu tempat atau premis yang dilesenkan melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan sedemikian.

### **Undang-undang Kecil 26. Kuasa untuk memeriksa.**

Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh-

(a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau Yang Dipertua atau pegawainya percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini;

(b) meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjaanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

### **Undang-undang Kecil 27. Penalti.**

Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.



## Undang-undang Kecil 28. Pemansuhan.

Undang-undang kecil berikut adalah dimansuhkan.

*Perkara*

*Seksyen Berkaitan*

Peraturan-peraturan (By-Laws) bagi Bandaran Di bawah Undang-undang Bandaran Bil. 12 Tahun 1355, Terengganu.

(i) Peraturan Rumah-rumah Dobi

Seksyen-seksyen 144 hingga 149.

(ii) Peraturan Atas Perniagaan atau Pekerjaan-pekerjaan Merbahaya atau Penyakit atau Mendatangkan bau yang busuk.

Seksyen-seksyen 197 hingga 208.

### JADUAL

(Undang-undang Kecil 3(2))

<i>Jenis Tred Perniagaan dan Perindustrian</i>	<i>Membuat</i>	<i>Memborong</i>	<i>Menjual Runcit</i>	<i>Memberi P'matan</i>	<i>Menyimpan</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>A. ALAT RUMAH TANGGA ALATAN PEJABAT DAN PERKAKAS</b>					
1. Alat-alat solek dan bahan dandan diri	300.00				
2. Alat-alat tulis	300.00				
3. Dakwat	300.00				
4. Deterjen, bahan pencuci dan bahan berkaitan	200.00				
5. Gaharu, kertas sembahyang dan barang-barang berkaitan	200.00	100.00	50.00		
6. Hasil-hasil kertas	200.00				
7. Mancis api (membuat dan menyimpan)	150.00				
8. Membuat, membaiki dan memperbaharui ketuhar, hawa dingin dan atau peti sejuk	500.00			100.00	

9. Memotong kaca/membingkai gambar				100.00	
10. Pasu, pinggan mangkuk dan periuk belanga	50.00				
11. Payung	50.00				
12. Permaidani	500.00	300.00	100.00	100.00	100.00
13. Rekod, pita dan disk.					
(i) Gersi (ii) Kedai			30.00 70.00		
14. Thermos Flask	200.00				
15. Zip-zip	100.00				
<b>B. BAHAN-BAHAN KIMIA</b>					
1. Asid, alkali, pelarut damar, pelekat, baja, racun serangga, racun makhluk perosak, umpan kimia dan kimia-kimia lain	500.00		100.00		100.00
2. Asitilin, oksigen dan gas-gas lain yang serupa melebihi 200 kilogram	1,000.00		100.00		
3. Bahan-bahan kimia lain yang serupa	300.00		100.00		100.00
4. Cat, selulus dan bahan-bahan kimia lain	500.00				
5. Gas (mudah terbakar)	5,000.00		100.00		
6. Hasil-hasil diesel, petrol dan minyak tanah	1,000.00				
7. Kalsium Karbaid	200.00		100.00		
8. Minyak pelicin dan minyak yang serupa	200.00		60.00		
9. Petrol, diesel dan minyak tanah					200.00
10. Susu getah					50.00
11. Ubat nyamuk	150.00				
<b>C. BAHAN-BAHAN LOGAM</b>					
1. Alat-alat ganti mesin dan alat tambahan kenderaan bermotor	1,000.00		200.00		
2. Aloii dan amalgam termasuk campuran logam-logam lain	500.00				

3. Barang-barang daripada aluminium, tembaga, besi, timah putih, keluli atau logam-logam lain	100.00				
4. Barang-barang daripada emas, tembaga, pewter, loyang dan bahan-bahan lain	150.00				50.00
5. Basikal	500.00				
6. Dawai duri, dawai kawat, dawai mata punai dan pagar berantai	300.00				
7. Gabus dan penutup-penutup lain	100.00				
8. Kabel dan dawai	300.00				100.00
9. Kedai basikal dan atau membaiki basikal				50.00	
10. Kedai besi atau kedai barang logam (hardware)			300.00		
11. Kedai tukang paip				100.00	
12. Kerja membaiki dan atau mengecat kenderaan bermotor/traktor/forklift/mesin berat/automobil				300.00	
13. Kerja-kerja mengimpal				150.00	
14. Kilang bekas-bekas daripada logam (kontena) dengan menggunakan jentera	150.00				
15. Kilang besi/keluli	3,600.00				
16. Kilang pam dan penapis	150.00				
17. Kontena	300.00				150.00
18. Membersih logam berharga melalui proses asid				200.00	
19. Pertukangan (termasuk tukang emas, tukang besi dan tukang tembaga)	50.00				
20. Sisa-besi					200.00
<b>D. BAHAN-BAHAN PEMBINAAN DAN BANGUNAN</b>					
1. Arang kayu, arang batu, atap nipah atau bahan-bahan bahaya lain yang mudah terbakar	100.00				

2. Bahan-bahan rumah dan komponen rumah pasang siap	200.00				
3. Barang-barang daripada kayu, rotan, buluh dan bahan-bahan lain yang serupa	100.00				
4. Barang-barang daripada simen/batu atau tanah liat	50.00				
5. Batu-bata, barang-barang tembikar	150.00				
6. Genting bumbung, ubin, marmar dan bahan-bahan yang berkaitan	300.00				
7. Kilang papan					
(i) Kelas A (boleh memotong sebarang saiz balak)	1,000.00				
(ii) Kelas B (tidak melebihi 63.5 sentimeter)	500.00				
(iii) Kelas C (perabot)	200.00				
8. Menyimpan papan					100.00
9. Papan lapis	1,500.00				
10. Simen	1,000.00				
<b>B. GETAH, PLASTIK, PELEKAT DAN BAHAN KULIT</b>					
1. Alat-alat perancang keluarga	300.00				
2. Alat-alat permainan kanak-kanak	300.00				
3. Barang-barang daripada 'Fibre glass'	500.00				
4. Barang-barang daripada getah	100.00				
5. Barang-barang daripada kulit	150.00				
6. Barang-barang daripada plastik atau bahan-bahan lain yang seumpama	200.00				
7. Beg politen	150.00				
8. Mencari lemak binatang, membuat glu atau lilin	100.00				
9. Menyiak kulit atau mengeluarkan isi perut binatang	50.00				

10. Menyimpan dan merawat getah	350.00	250.00			250.00
11. Sarung tangan dan topi	200.00				
12. Tayar dan tiub (membuat/mencelup dan kerja-kerja 'vulcanising')	100.00		100.00		100.00
<b>F. <u>HASIL PERTANIAN</u></b>					
1. Baja	300.00	200.00	100.00		
2. Ikan: Ikan reput atau komoditi-komoditi lain yang dikenali sebagai 'ikan busuk'	200.00				
3. Kilang minyak kelapa sawit	500.00				
4. Kilang padi:					
(i) Kurang daripada 10 kuasa kuda				20.00	
(ii) 10 hingga 50 kuasa kuda				30.00	
(iii) 51 hingga 100 kuasa kuda				50.00	
(iv) 101 hingga 500 kuasa kuda				100.00	
(v) lebih daripada 500 kuasa kuda				300.00	
5. Kopro	30.00				
6. Makanan binatang	200.00	150.00	100.00		
7. Membuat kicap, budu, ikan kering atau ikan masin	30.00				
8. Sagu dan bahan-bahan diperbuat daripadanya	30.00				
9. Ubi kayu dan bahan-bahan diperbuat daripadanya	100.00				
<b>G. <u>KAIN DAN HASIL JERAMI</u></b>					
1. Fabrik pakaian termasuk kait					
(i) mengait atau menenun	100.00		50.00		
(ii) Pakaian dan membuat barang-barang daripada kain	300.00		60.00		
2. Kapas dan benang tiruan	150.00				

3. Mencilup atau mencetak batik	100.00				
4. Tali benang, bulu kambing, taliguni dan jerami asli lain	100.00				
H. <u>LADANG</u>	LADANG				
1. Tempat menetas	50.00				
2. Tempat ternakan ayam, itik, burung, belut dan buaya	100.00				
3. Tempat ternakan ikan, udang dan hasil-hasil laut lain	100.00				
4. Tempat ternakan binatang-binatang lain	100.00				
I. <u>LAIN-LAIN</u>					
1. Alat-alat elektronik dan alat-alat elektrik	500.00				
2. Barang-barang kaca	500.00				
3. Barang-barang kraftangan	50.00		150.00		
4. Bateri	300.00			100.00	
5. Belacan melebihi 20 kilogram	50.00				
6. Bengkel (memperbaiki atau servis atau mengecat)				300.00	
7. Berniaga barang-barang terpakai:					
(i) Alat-alat ganti jentera bermotor			500.00		
(ii) Kelengkapan rumah tangga			100.00		
(iii) Pakaian			50.00		
8. Bunga-bunga api, mercun dan bahan-bahan letupan lain	40.00				150.00
9. Dobi dan mencuci kering				60.00	
10. Gudang					
(i) Tidak melebihi 150 meter persegi				100.00	
(ii) 150 - 350 meter persegi				200.00	
(iii) lebih 350 meter persegi				300.00	

11. Kedai bunga dan pokok dalam pasu			50.00		
12. Kedai menjual binatang kesayangan			100.00		
13. Kedai senjata api atau peluru			200.00		
14. Keranda	50.00		50.00		50.00
15. Kerja-kerja kejuruteraan elektrik atau kejenteraan:					
(i) Ringan				300.00	
(ii) Berat				1,000.00	
16. Kerja-kerja sadur elektrik				200.00	
17. Kilang air batu	150.00				
18. Kilang gula	350.00				
19. Kilang kasut	300.00				
20. Kilang menggiling	100.00				
21. Kilang rokok	500.00				
22. Kusyen dan perhiasan perabut	200.00			100.00	
23. Lesen garaj					150.00
24. Loji pemasangan kereta bermotor dan jentera	3,000.00				
25. Membina badan kereta-kereta bermotor	1,000.00				
26. Membuat bot:					
(i) Kelas A (Limbungan)	1,000.00				
(ii) Kelas B (Slipway)	500.00				
(iii) Kelas C (lain-lain)	200.00				
27. Membuat, iklan, papan tanda/papan tanda seni	100.00				
28. Mencanai kaca, membuat cermin atau barang-barang kaca	100.00				
29. Mengawit atau menyimpan tembakau					300.00
30. Menghancur air batu				50.00	

31. Menghancur batu	300.00				
32. Mengumpul atau menyimpan bahan-bahan bangunan, kotak-kotak, botol, tin, tong dram, karung guni, bulu burung, kertas surat khabar dan besi buruk					100.00
33. Merebus ofal, darah, lemak dan tulang	50.00				
34. Methylated spirit (menyimpan methylated spirit di dalam tong atau bekas-bekas lain)					100.00
35. Pelantar mendarat ikan				200.00	
36. Pemasangan penyaman udara di kereta				100.00	
37. Pembekal tongkang bagi pemunggahan barang-barang di kapal				200.00	
38. Pemborong barang Am		250.00			
39. Pemborong Ikan		100.00			
40. Pemunggah barang di kapal				150.00	
41. Percetakan:					
(i) 200 meter persegi atau kurang				200.00	
(ii) melebihi 200 meter persegi				500.00	
42. Rumah orang tua (Persendirian)				50.00	
43. Sport Toto - tiga ekor dan empat ekor			1,000.00		
44. Stesyen mengisi petrol/Diesel:					
(i) Pam pertama		150.00	150.00		
(ii) Setiap pam tambahan		50.00	50.00		
45. Stesyen Servis				100.00	
46. Tadika/Pusat Penjagaan bayi				50.00	
47. Tapak Semaian			100.00		



48. Teh/Kopi	100.00				
49. Tukang batu dan batu marmar (menggunakan mesin)	100.00				
50. Tukang kasut	30.00				
51. Ubat/dadah dari keluaran farmasi dan barang-barang lain yang berkaitan	300.00				

Diperbuat oleh Majlis Daerah Kemaman di dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 1989.  
(MDK. 1202 SJ. 2)

HARUN BIN HASAN,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Kemaman*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 19 Jun 1990.  
[SUK. TR. 1200/346/1/SK. C; PUN. TR. (S) 85/3/6]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Terengganu*

## SENARAI PINDAAN

*Undang-undang  
yang meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuatkuasa dari*

Akta 160

Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975

29-08-1975